Pada tahun 2020, sektor pertanian mencatatkan sumbangan sebanyak 7.4 peratus kepada KDNK. Walaupun peratusannya semakin mengecil, sektor ini tetap relevan dalam memastikan keterjaminan makanan, menyediakan peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar serta menyokong industri berkaitan seperti pemprosesan makanan dan eksport produk pertanian. Namun, sektor ini turut menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, kenaikan kos input pertanian serta kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

Statistik terkini bagi tahun 2023 menunjukkan bahawa sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Malaysia adalah sebanyak 6.4 peratus. Penurunan ini mencerminkan perubahan struktur ekonomi negara yang semakin berorientasikan sektor perkhidmatan dan teknologi tinggi. Walaupun demikian, sektor pertanian kekal sebagai sektor penting dalam ekonomi negara, terutamanya dalam aspek keterjaminan makanan, peluang pekerjaan serta sebagai sumber eksport utama bagi produk pertanian seperti minyak sawit, getah dan ternakan.

Secara keseluruhannya, walaupun sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara semakin berkurang, namun sektor ini tetap relevan. Dengan adanya pelbagai inisiatif moden seperti pertanian pintar, penggunaan teknologi digital serta sokongan Kerajaan dalam bentuk dasar dan insentif, sektor ini masih berpotensi untuk berkembang dan terus menyumbang kepada kestabilan sosio-ekonomi negara pada masa hadapan.

3.2 Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian 2023 (Pada Harga Semasa)


Pada tahun 2023, prestasi ekonomi bagi sektor pertanian mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak -11.9 peratus berbanding peningkatan 8.6 peratus pada tahun 2022. Penurunan ini didorong oleh kemerosotan prestasi dalam beberapa subsektor utama, khususnya kelapa sawit dan getah yang mengalami penyusutan ketara susulan faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi pasaran komoditi global.

Subsektor kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian dengan sumbangan sebanyak 47.8 peratus mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak -23.5 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan 13.1 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan subsektor getah yang terus menunjukkan tren penyusutan apabila mencatatkan penurunan sebanyak -14.1 peratus pada tahun 2023 berbanding -22.2 peratus pada tahun 2022. Penyusutan dalam kedua-dua subsektor ini berpunca daripada kejatuhan harga komoditi kelapa sawit dan getah yang dipengaruhi oleh kelembapan permintaan global serta lebih bekalan dalam pasaran dunia. Di samping itu, subsektor perhutanan dan pembalakan turut mengalami penurunan marginal sebanyak -0.2 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan sebanyak 9.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, subsektor pertanian lain mencatatkan peningkatan 1.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 1.7 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam semua aktiviti terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan kecuali padi yang menunjukkan penurunan. Selain itu, subsektor perikanan pula mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2023 berbanding peningkatan sebanyak 9.0 peratus pada tahun sebelumnya, didorong oleh pertumbuhan dalam kedua-dua aktiviti utama iaitu perikanan laut dan akuakultur yang masing-masing meningkat 3.6 peratus dan 1.4 peratus pada tahun 2023.

Secara keseluruhan, walaupun sektor pertanian mengalami tekanan akibat penurunan harga komoditi utama dan kekurangan permintaan global, beberapa subsektor masih mencatatkan pertumbuhan positif dan ini menunjukkan daya tahan serta kepelbagaian aktiviti dalam sektor ini.

Carta 2: Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian – Nilai Ditambah, Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Peratusan (Pada Harga Semasa)



3.3 Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian bagi Negara-Negara Terpilih 2023 (Pada Harga Semasa)

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi sesebuah negara, namun sumbangannya kepada KDNK adalah berbeza-beza bergantung kepada tahap pembangunan dan struktur ekonomi selain dasar Kerajaan bagi negara berkenaan. Bagi Indonesia yang merupakan sebuah negara pertanian, sektor pertanian menyumbang 12.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2023. Antara komoditi utama negara tersebut adalah kelapa sawit, padi dan kopi. Di Vietnam, sektor pertanian menyumbang 11.9 peratus kepada ekonomi negara tersebut pada tahun 2023, dengan padi, kopi dan produk perikanan sebagai komoditi utama. Sementara itu, sektor pertanian Thailand menyumbang 8.6 peratus kepada KDNK Thailand pada tahun 2023, dengan padi, getah dan buah-buahan sebagai subsektor utama.

Sektor pertanian di India pula menyumbang 16.6 peratus kepada KDNK pada tahun 2023, di mana antara subsektor utamanya adalah padi, gandum dan kapas. Walaupun China mempunyai sektor pertanian yang besar dan menjadi antara pengeluar makanan terbesar di dunia, namun sumbangannya kepada ekonomi China adalah hanya 7.1 peratus pada tahun 2023. Ini disebabkan oleh peralihan struktur ekonomi kepada industri dan perkhidmatan. Antara subsektor utama yang menyumbang kepada sektor pertanian di China adalah tanaman bijirin (padi, gandum dan jagung), ternakan (babi, lembu & tenusu dan ayam & itik) dan sayur-sayuran & buah-buahan.

Manakala, sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara-negara Eropah umumnya adalah kecil, yang mana ekonomi negara-negara tersebut lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian, seperti Itali (1.9%), Perancis (1.7%) dan Jerman (0.8%). Antara komoditi utama bagi Itali dan Perancis adalah anggur dan gandum, manakala gandum, kentang dan susu & produk tenusu merupakan komoditi utama bagi Jerman.

Negara-negara maju cenderung mempunyai sumbangan sektor pertanian kepada KDNK yang lebih kecil, sementara negara-negara yang sedang membangun menunjukkan peratusan yang lebih tinggi. Faktor seperti dasar kerajaan, tahap teknologi dan keperluan domestik turut mempengaruhi sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi sesebuah negara.


4.0 SUMBANGAN NILAI DITAMBAH SEKTOR PERTANIAN MENGIKUT NEGERI¹ (PADA HARGA MALAR)

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan serta mengurangkan kebergantungan negara kepada import pertanian. Secara keseluruhan, nilai ditambah sektor pertanian Malaysia pada tahun 2023 ialah RM100.8 bilion, menyumbang 6.4 peratus kepada KDNK keseluruhan dengan pertumbuhan marginal 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 1.3%). Negeri Johor merupakan penyumbang terbesar sektor pertanian di Malaysia dengan sumbangan sebanyak 17.1 peratus, diikuti Sarawak (14.9%), Pahang (14.1%), Sabah (12.5%) dan Perak (11.6%).

Nota: 2023^P merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025


Carta 3: Nilai Ditambah Sektor Pertanian mengikut negeri, 2023^P (Pada Harga Malar)



4.1 Subsektor Tanaman

Subsektor tanaman menyumbang 67.2 peratus kepada sektor pertanian Malaysia pada tahun 2023. Negeri penyumbang terbesar subsektor tanaman adalah Sarawak dengan sumbangan sebanyak 18.2 peratus, diikuti Johor (17.3%), Pahang (16.6%) dan Sabah (14.2%). Sebanyak empat negeri menunjukkan sumbangan subsektor tanaman kepada sektor pertanian negeri melebihi 70 peratus iaitu Sarawak (82.1%), Pahang (79.0%), Sabah (76.0%) dan Kelantan (72.7%).

**Carta 4: Nilai Ditambah Subsektor Tanaman Mengikut Negeri, 2023^P
(Pada Harga Malar)**



4.2 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan menyumbang 16.6 peratus kepada sektor pertanian Malaysia. Negeri penyumbang terbesar subsektor ini ialah Johor (26.1%), diikuti Perak (16.9%), Melaka (11.0%) dan Kedah (10.5%). Antara negeri yang mencatatkan sumbangan


Nota: 2023^P merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025

subsektor ternakan kepada sektor pertanian negeri melebihi 20 peratus ialah Melaka

(38.1%), Kedah (31.8%), Negeri Sembilan (28.9%), Pulau Pinang (27.0%), Selangor (27.0%), Johor (25.4%) dan Perak (24.2%).


**Carta 5: Nilai Ditambah Subsektor Ternakan Mengikut Negeri, 2023^P
(Pada Harga Malar)**



4.3 Subsektor Perikanan

Subsektor perikanan menyumbang 11.5 peratus kepada sektor Pertanian Malaysia. Negeri penyumbang utama kepada subsektor ini adalah Perak, yang menyumbang sebanyak 21.9 peratus, diikuti Sabah (16.0%) dan Kedah (10.0%). Subsektor ini menguasai sektor pertanian di Wilayah Persekutuan Labuan dan Pulau Pinang, masing-masing sebanyak 86.5 peratus dan 40.0 peratus. Selain itu, subsektor perikanan merupakan penyumbang kedua terbesar sektor pertanian di Perlis (39.1%), diikuti Terengganu dan Sabah, masing-masing sebanyak 15.6 peratus dan 14.7 peratus.

**Carta 6: Nilai Ditambah Subsektor Perikanan Mengikut Negeri, 2023^P
(Pada Harga Malar)**




Nota: 2023^P merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025

Subsektor perhutanan & pembalakan menyumbang 4.8 peratus kepada sektor pertanian Malaysia. Sarawak merupakan negeri penyumbang terbesar bagi subsektor ini iaitu sebanyak 28.8 peratus, diikuti Pahang (25.3%) dan Kelantan (18.1%). Dua negeri yang menunjukkan sumbangan subsektor perhutanan & pembalakan kepada sektor pertanian negeri melebihi 10 peratus ialah Kelantan dan Terengganu, masing-masing merekodkan 15.5 peratus dan 11.4 peratus.

Carta 7: Nilai Ditambah Subsektor Perhutanan & Pembalakan Mengikut Negeri, 2023^P
(Pada Harga Malar)



Nota: 2023^P merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025

5.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, MALAYSIA

5.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 1,030,020 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 1,008,829 pegangan pertanian individu (97.9%) dan 21,191 pegangan pertanian pertubuhan (2.1%). Sabah mempunyai bilangan pegangan pertanian teratas iaitu 159,259 (15.5%), diikuti oleh Sarawak (147,414; 14.3%) dan Kedah (124,431; 12.1%).

Paparan 1: Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023

MALAYSIA


Pegangan Pertanian: **1,030,020**Individu: **1,008,829**Pertubuhan: **21,191**

Negeri	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Johor 	106,038	102,460	3,578
Kedah 	124,431	123,194	1,237
Kelantan 	87,645	87,203	442
Melaka 	13,824	13,022	802
Negeri Sembilan 	45,429	44,082	1,347
Pahang 	90,025	87,482	2,543
Perak 	107,474	104,878	2,596
Perlis 	18,970	18,839	131
Pulau Pinang 	16,645	15,491	1,154
Sabah 	159,259	156,635	2,624
Sarawak 	147,414	145,378	2,036
Selangor 	37,117	35,474	1,643
Terengganu 	73,051	72,367	684
W.P. Kuala Lumpur 	1,756	1,426	330
W.P. Labuan 	766	732	34
W.P. Putrajaya 	176	166	10

5.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 1,000,829 pegangan pertanian individu di Malaysia, seramai 1,000,458 orang atau 99.2 peratus merupakan warganegara, manakala 8,371 orang (0.8%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



Warganegara

1,000,458
(99.2%)




Bukan Warganegara

8,371
(0.8%)

5.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 753,139 orang (74.7%) berbanding 255,690 perempuan (25.3%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Malaysia, 2023



5.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 458,263 orang atau 45.4 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (326,287 orang; 32.3%), 31 hingga 45 tahun (190,952 orang; 18.9%) dan 15 hingga 30 tahun (33,207 orang; 3.3%).

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Malaysia 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

5.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 884,194 orang (88.4%), diikuti oleh Cina (97,745 orang; 9.8%), India (10,577 orang; 1.0%) dan lain-lain (7,942 orang; 0.8%).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



5.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (741,823 orang; 73.5%), diikuti oleh balu/duda (113,384 orang; 11.2%), tidak pernah berkahwin (102,554 orang; 10.2%) dan bercerai/berpisah (11,778 orang; 1.2%).

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

5.1.6 Sijil tertinggi Diperoleh

Seramai 381,638 orang atau 37.8 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil (271,413 orang; 26.9%) dan peringkat rendah (256,063 orang; 25.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 60,425 orang (6.0%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

5.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 7,501.3 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 2,298.1 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 5,203.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sarawak mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 1,803.4 ribu hektar, diikuti oleh Sabah (1,782.0 ribu hektar) dan Pahang (983.0 juta hektar).


Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



5.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Malaysia merekodkan 6,629.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 2,130.4 ribu hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 4,498.6 ribu hektar. Sabah mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 1,574.4 ribu hektar, diikuti oleh Sarawak (1,548.2 ribu hektar) dan Pahang (872.0 ribu hektar).


Paparan 9: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



5.4 KUANTITI PENGELUARAN


Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 103.3 juta tan metrik. Tanaman kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran teratas dengan 95.1 juta tan metrik, diikuti oleh padi (2.3 juta tan metrik) dan buah-buahan (1.8 juta tan metrik). Sarawak mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman teratas sebanyak 22.9 juta tan metrik, menyumbang 22.2 peratus kepada pengeluaran tanaman Malaysia.

Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup adalah sebanyak 1,520.8 juta ekor, dengan aktiviti penternakan ayam mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran teratas sebanyak 968.6 juta ekor atau 63.7 peratus, diikuti oleh penternakan itik (34.3 juta ekor) dan babi (1.8 juta ekor). Negeri Sembilan mencatatkan kuantiti pengeluaran ternakan hidup teratas pada tahun 2023, dengan 332.3 juta ekor atau 21.9 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Malaysia, diikuti oleh Johor (298.0 juta ekor) dan Perak (204.2 juta ekor). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 54.9 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Malaysia.

Bagi hasil ternakan pula, kuantiti pengeluaran telur mencatatkan 14,895.6 juta biji, dengan Selangor sebagai negeri pengeluar teratas (3,623.4 juta biji). Selain itu, kuantiti pengeluaran bagi susu segar adalah 47.5 juta liter, dengan Pahang sebagai negeri pengeluar teratas (9.0 juta liter). Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan lain merekodkan sebanyak 0.9 juta tan metrik yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023


Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 1,099.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 1,089.9 ribu tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan tangkapan darat mencatatkan jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 9.7 ribu tan metrik atau hanya 0.9 peratus. Perak merekodkan kuantiti pengeluaran teratas dengan jumlah 298.6 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (159.1 ribu tan metrik) dan Kedah (129.4 ribu tan metrik). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 53.4 peratus kepada pengeluaran perikanan tangkapan negara.

Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023


Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 484.3 ribu tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti pengeluaran akuakultur teratas dicatatkan oleh Sabah, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 234.3 ribu tan metrik, diikuti oleh Perak (66.0 ribu juta tan metrik) dan Johor (42.6 ribu tan metrik). Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 6,440,628.7 ribu ekor, dengan Pahang merekodkan pengeluaran teratas sebanyak 4,388,807.8 ribu ekor, diikuti oleh Perak (663,279.9 ribu ekor) dan Selangor (372,031.9 ribu ekor).


Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan adalah 6,567.5 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 18.2 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 6,549.2 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti keseluruhan pembalakan teratas iaitu sebanyak 1,764.6 ribu meter padu, diikuti oleh Perak (1,313.1 ribu meter padu) dan Pahang (954.2 ribu meter padu). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 61.4 peratus kepada pengeluaran pembalakan Malaysia.

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 5,396.9 ribu kilogram. Pegangan pertanian individu menyumbang 4,211.6 ribu kilogram (78.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 1,185.3 ribu kilogram (22.0%). Perak mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang teratas iaitu 2,320.9 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang pula masing-masing sebanyak 1,317.7 ribu dan 1,089.7 ribu kilogram.

Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

5.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 102.3 juta tan metrik. Kuantiti jualan teratas direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 95.1 juta tan metrik. Ini diikuti oleh padi dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 1.7 juta dan 1.6 juta tan metrik. Sarawak mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman teratas pada tahun 2023 iaitu sebanyak 22.9 juta tan metrik atau menyumbang 22.4 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Malaysia. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM117,877.94 juta.

Paparan 15: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023




Bagi ternakan hidup, 93.0 peratus daripada 1,520.8 juta ekor pengeluaran ternakan dijual pada tahun 2023, dengan kuantiti jualan ternakan teratas dicatatkan oleh ternakan ayam (882.6 juta ekor), diikuti oleh itik (32.5 juta ekor) dan babi (1.6 juta ekor). Manakala, kuantiti jualan dari hasil ternakan adalah sebanyak 13,938.2 juta biji telur dan 46.5 juta liter susu segar. Nilai jualan bagi ternakan hidup dan hasil ternakan adalah sebanyak RM24,813.86 juta.

Paparan 16: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023




Keseluruhan kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan di Malaysia adalah sebanyak 1,054.7 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 1,045.3 ribu tan metrik (99.1%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 9.4 ribu tan metrik (0.9%). Perak mencatatkan kuantiti jualan yang teratas dengan jumlah 298.4 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (150.0 ribu tan metrik) dan Kedah (129.3 ribu tan metrik). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 54.8 peratus kepada jumlah kuantiti jualan perikanan tangkapan di Malaysia. Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM10,777.07 juta.

Paparan 17: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan sebanyak 465.4 ribu tan metrik merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Sabah merekodkan kuantiti jualan teratas iaitu sebanyak 233.4 ribu tan metrik, diikuti oleh Perak (62.3 ribu tan metrik) dan Pulau Pinang (41.0 ribu tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah 1,577,573.9 ribu ekor. Tiga negeri yang mencatatkan kuantiti jualan teratas bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Johor (347,134.3 ribu ekor), diikuti oleh Perak (311,314.1 ribu ekor) dan Selangor (257,501.8 ribu ekor). Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4,387.70 juta.


Paparan 18: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023



Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 5,981.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah sebanyak 17.0 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 5,964.7 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti jualan teratas sebanyak 1,741.9 ribu meter padu, diikuti oleh Pahang (954.2 ribu meter padu) dan Sabah (804.6 ribu meter padu). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 58.5 peratus kepada kuantiti jualan pembalakan Malaysia.

Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 4,873.3 ribu kilogram. Sumbangan teratas dicatatkan oleh pegangan pertanian individu dengan 4,061.5 ribu kilogram (83.3%) dan pegangan pertanian pertubuhan, 811.8 ribu kilogram (16.7%). Perak mencatatkan kuantiti jualan teratas iaitu 1,912.3 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang masing-masing sebanyak 1,297.1 ribu dan 1,086.5 ribu kilogram. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3,834.36 juta.

Paparan 19: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

6.0 PENGENALAN NEGERI PULAU PINANG

Negeri Pulau Pinang, yang terletak di barat laut Semenanjung Malaysia, terdiri daripada dua bahagian utama: Pulau Pinang dan Seberang Perai. Dengan keluasan 1,049.07 kilometer persegi, negeri ini merangkumi lima daerah pentadbiran, iaitu Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan. Dari segi demografi, Pulau Pinang mempunyai populasi sekitar 1.8 juta orang pada tahun 2024, dengan kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 1.6 peratus (Laporan Anggaran Penduduk 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia). Penduduk negeri ini terdiri daripada pelbagai etnik, termasuk Bumiputera, Cina, dan India yang hidup dalam harmoni dan menyumbang kepada kepelbagaian budaya serta ekonomi negeri.

Pulau Pinang terkenal sebagai pusat ekonomi yang pesat berkembang, dengan sektor utama termasuk perindustrian, pelancongan, dan perdagangan. Negeri ini merupakan hab teknologi tinggi dan elektronik, dengan banyak syarikat multinasional beroperasi di kawasan perindustrian seperti Bayan Lepas. Selain itu, sektor pelancongan memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri, dengan tarikan seperti Georgetown yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, pantai yang indah, dan makanan jalanan yang terkenal.

7.0 GUNA TENAGA PERTANIAN, NEGERI PULAU PINANG

Guna tenaga dalam konteks Banci Pertanian 2024 merujuk kepada individu yang bekerja dengan pegangan pertanian, sama ada individu tersebut merupakan sebahagian daripada pegangan individu ataupun pertubuhan. Guna tenaga dalam Banci Pertanian diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, Pekerja Keluarga Tanpa Gaji dan Pekerja Bergaji.

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di Malaysia adalah seramai 30,400 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 47.5 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 14,425 orang, manakala 14,490 orang atau 47.7 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 1,485 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji.

Paparan 20: Guna Tenaga Pertanian, Pulau Pinang, 2023




8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI PULAU PINANG

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 16,645 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, 15,491 (93.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 1,154 (6.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 21: Pegangan Pertanian, Pulau Pinang, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 15,491 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Pulau Pinang, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 87.1 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 44.7 peratus dan 34.9 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 74.0 peratus. Manakala 27.2 peratus pegangan pertanian individu di Pulau Pinang mempunyai Sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 22: Profil Pegangan Pertanian Individu, Pulau Pinang, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah seluas 44.3 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 36.1 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 8.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 39.0 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 32.0 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Pulau Pinang mencatatkan 424.2 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran teratas adalah kelapa sawit iaitu 181.0 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 177.6 ribu dan 27.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 296.5 ribu tan metrik. Kuantiti jualan teratas adalah kelapa sawit iaitu 181.0 ribu tan metrik. Seterusnya, kuantiti jualan kedua dan ketiga teratas adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 57.4 ribu dan 21.9 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM837.05 juta.

Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Pulau Pinang, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Pulau Pinang adalah sebanyak 90,490.3 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 88,250.2 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan pula direkodkan dengan 255,842.0 ribu biji telur, 292.1 ribu liter susu segar dan 1.7 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 248,160.3 ribu biji telur, 285.1 ribu liter susu segar dan 1.2 ribu kilogram hasil ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,547.02 juta.


Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Pulau Pinang, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Pulau Pinang mencatatkan jumlah pengeluaran 33.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 33.3 ribu tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.3 ribu tan metrik atau hanya 0.9 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 32.8 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 32.5 ribu tan metrik (99.1%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.3 ribu tan metrik (0.9 %). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM529.80 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Pulau Pinang, 2023




Subsektor akuakultur di Pulau Pinang merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 42.4 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 41.0 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 231,250.2 ribu ekor dan 149,706.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM600.84 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Pulau Pinang, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 3.3 ribu kilogram dan 2.9 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM0.01 juta.

Paparan 27: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Pulau Pinang, 2023



Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Pulau Pinang merekodkan RM3,514.73 juta, di mana 66.6 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM2,342.01 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 33.4 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Pulau Pinang iaitu RM1,172.72 juta.


9.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, MENGIKUT DAERAH NEGERI PULAU PINANG

9.1 DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH


9.1.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 2,938 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Daerah Seberang Perai Tengah. Daripada jumlah ini, 2,683 (91.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 255 (8.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 28: Pegangan Pertanian, Daerah Seberang Perai Tengah, 2023




Daripada 2,683 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Daerah Seberang Perai Tengah, 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 83.9 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 49.5 peratus dan 30.2 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 69.2 peratus. Manakala 27.7 peratus pegangan pertanian individu di Daerah Seberang Perai mempunyai Sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 29: Profil Pegangan Pertanian Individu, Daerah Seberang Perai Tengah, 2023

9.1.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Daerah Seberang Perai Tengah pada tahun 2023 adalah seluas 7.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 6.3 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 1.6 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 7.4 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 6.2 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Daerah Seberang Perai Tengah mencatatkan 68.7 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran teratas adalah kelapa sawit iaitu 39.5 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah padi dan tanaman lain dengan masing-masing menghasilkan 13.0 ribu dan 5.4 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 62.9 ribu tan metrik. Kuantiti jualan teratas adalah kelapa sawit iaitu 39.5 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah padi dan tanaman lain dengan masing-masing mengeluarkan 8.9 ribu dan 5.1 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM118.40 juta.

Paparan 30: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Daerah Seberang Perai Tengah, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Daerah Seberang Perai Tengah adalah sebanyak 21,402.9 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 21,013.3 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 59,113.7 ribu biji telur, 56.2 ribu liter susu segar dan 0.03 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 58,920.4 ribu biji telur, 55.4 ribu liter susu segar dan 0.03 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM354.60 juta.


Paparan 31: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Daerah Seberang Perai Tengah, 2023

Subsektor Ternakan				
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan	
Kuantiti Pengeluaran ('000)				
i. Kilogram	0.03	-	0.03	
ii. Biji	59,113.7	17.5	59,096.2	
iii. Ekor	21,402.9	8.7	21,394.2	
iv. Liter	56.2	12.0	44.2	
Kuantiti Jualan ('000)				
i. Kilogram	0.03	-	0.03	
ii. Biji	58,920.4	17.0	58,903.3	
iii. Ekor	21,013.3	7.4	21,005.9	
iv. Liter	55.4	12.0	43.4	
Nilai Jualan (RM juta)	354.6	4.4	350.2	

Aktiviti perikanan tangkapan di Daerah Seberang Perai Tengah mencatatkan jumlah pengeluaran 1.3 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 1.3 ribu tan metrik, bersamaan 98.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.01 ribu tan metrik atau hanya 1.1 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 1.3 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 1.3 ribu tan metrik (98.9%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.01 ribu tan metrik (1.1%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM26.40 juta.

Paparan 32: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Daerah Seberang Perai Tengah, 2023



Subsektor akuakultur di Daerah Seberang Perai Tengah merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 3.7 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 3.4 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 293.1 ribu ekor dan 114.7 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM39.40 juta.

Paparan 33: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Daerah Seberang Perai Tengah, 2023




9.2 DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

9.2.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 8,078 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Daerah Seberang Perai Utara. Daripada jumlah ini, 7,853 (97.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 225 (2.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 34: Pegangan Pertanian, Daerah Seberang Perai Utara, 2023



Daripada 7,853 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Daerah Seberang Perai Utara, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 86.5 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 43.6 peratus dan 34.2 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 88.5 peratus. Manakala 22.0 peratus pegangan pertanian individu di Daerah Seberang Perai Utara mempunyai Sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 35: Profil Pegangan Pertanian Individu, Daerah Seberang Perai Utara, 2023




9.2.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Daerah Seberang Perai Utara pada tahun 2023 adalah seluas 24.6 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 22.9 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 1.7 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 20.7 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 19.2 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Seberang Perai Utara mencatatkan 189.6 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran teratas adalah padi iaitu 144.6 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah kelapa sawit dan sayur-sayuran dengan masing-masing menghasilkan 33.3 ribu dan 7.1 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 79.5 ribu tan metrik. Kuantiti jualan teratas adalah padi iaitu 35.0 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah kelapa sawit dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 33.3 ribu dan 7.0 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM128.7 juta.

Paparan 36: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Daerah Seberang Perai Utara, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Daerah Seberang Perai Utara adalah sebanyak 2,329.4 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 2,229.3 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 58.3 ribu biji telur, 29.3 ribu liter susu segar dan 0.7 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 44.3 ribu biji telur, 28.8 ribu liter susu segar dan 0.3 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM184.4 juta.


Paparan 37: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Daerah Seberang Perai Utara, 2023

Subsektor Ternakan				
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan	
Kuantiti Pengeluaran ('000)				
i. Kilogram	0.7	0.7	-	
ii. Biji	58.3	58.3	-	
iii. Ekor	2,329.4	14.6	2,314.8	
iv. Liter	29.3	0.18	29.16	
Kuantiti Jualan ('000)				
i. Kilogram	0.3	0.3	-	
ii. Biji	44.3	44.3	-	
iii. Ekor	2,229.3	13.0	2,216.3	
iv. Liter	28.8	0.18	28.6	
Nilai Jualan (RM juta)	184.4	4.0	180.4	

Aktiviti perikanan tangkapan di Daerah Seberang Perai Utara mencatatkan jumlah pengeluaran 6.8 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 6.6 ribu tan metrik, bersamaan 97.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.2 ribu tan metrik atau hanya 2.9 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 6.0 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 5.8 ribu tan metrik (96.7%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.2 ribu tan metrik (3.3 %). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM105.8 juta.

Paparan 38: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Daerah Seberang Perai Utara, 2023




Subsektor akuakultur di Daerah Seberang Perai Utara merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 1.6 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 1.4 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 266.5 ribu ekor dan 265.5 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM28.7 juta.

Paparan 39: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Daerah Seberang Perai Utara, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 1.4 ribu kilogram dan 1.4 ribu kilogram juga adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM0.004 juta.

Paparan 40: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Daerah Seberang Perai Utara, 2023



Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Daerah Seberang Perai Utara merekodkan RM447.6 juta, di mana 56.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM251.3 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 43.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Daerah Seberang Perai Utara iaitu RM196.3 juta.

9.3 DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

9.3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 3,113 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Seberang Perai Selatan. Daripada jumlah ini, 2,734 (87.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 379 (12.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 41: Pegangan Pertanian, Daerah Seberang Perai Selatan, 2023



Daripada 2,734 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di daerah Seberang Perai Selatan, 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 87.0 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 39.6 peratus dan 41.6 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 54.6 peratus. Manakala 36.3 peratus pegangan pertanian individu di daerah Seberang Perai Selatan mempunyai Sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 42: Profil Pegangan Pertanian Individu, Daerah Seberang Perai Selatan, 2023




9.3.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di daerah Seberang Perai Selatan pada tahun 2023 adalah seluas 8.8 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 4.5 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 4.3 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 8.0 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 4.4 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di daerah Seberang Perai Selatan mencatatkan 129.3 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran teratas adalah kelapa sawit iaitu 107.8 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah padi dan nanas dengan masing-masing menghasilkan 11.2 ribu dan 3.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 122.4 ribu tan metrik. Kuantiti jualan teratas adalah kelapa sawit iaitu 107.8 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah padi dan nanas dengan masing-masing mengeluarkan 4.9 ribu dan 3.4 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM138.78 juta.

Paparan 43: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Daerah Seberang Perai Selatan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di daerah Seberang Perai Selatan adalah sebanyak 66,659.6 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 64,915.7 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 196,652.1 ribu biji telur, 22.7 ribu liter susu segar dan 0.3 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 189,177.7 ribu biji telur, 22.7 ribu liter susu segar dan 0.3 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM991.4 juta.


Paparan 44: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Daerah Seberang Perai Selatan, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di daerah Seberang Perai Selatan mencatatkan jumlah pengeluaran 5.3 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 5.2 ribu tan metrik, bersamaan 98.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.08 ribu tan metrik atau hanya 1.5 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 5.3 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 5.2 ribu tan metrik (98.5%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.08 ribu tan metrik (1.5 %). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM94.70 juta.

Paparan 45: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Daerah Seberang Perai Selatan, 2023



Subsektor akuakultur di daerah Seberang Perai Selatan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 33.1 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 32.3 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 792.3 ribu ekor dan 220.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM408.57 juta.

Paparan 46: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Daerah Seberang Perai Selatan, 2023




9.4 DAERAH TIMUR LAUT

9.4.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN


Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 924 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Timur Laut. Daripada jumlah ini, 726 (78.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 198 (21.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 47: Pegangan Pertanian, Daerah Timur Laut, 2023



Daripada 726 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Daerah Timur Laut, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 91.6 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 51.1 peratus dan 31.7 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 49.2 peratus. Manakala 37.5 peratus pegangan pertanian individu di Daerah Timur Laut mempunyai Sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 48: Profil Pegangan Pertanian Individu, Daerah Timur Laut, 2023




9.4.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Daerah Timur Laut pada tahun 2023 adalah seluas 383.1 hektar. Daripada jumlah tersebut, 236.7 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 146.4 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 345.7 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 204.9 hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Daerah Timur Laut mencatatkan 9.8 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran teratas adalah tanaman buah-buahan iaitu 7.7 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah sayur- sayuran dan tanaman lain dengan masing-masing menghasilkan 2.0 ribu dan 0.12 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 6.4 ribu tan metrik dengan kuantiti jualan teratas adalah tanaman buah-buahan iaitu 4.3 ribu tan metrik. Seterusnya, jualan kedua dan ketiga teratas adalah sayur-sayuran dan tanaman lain dengan masing-masing mengeluarkan 2.0 ribu dan 0.12 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM74.05 juta.

Paparan 49: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Daerah Timur Laut, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Daerah Timur Laut adalah sebanyak 3.0 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 2.2 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan pula direkodkan 44.2 ribu liter susu segar dan kuantiti jualan adalah 39.4 ribu liter. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.32 juta.


Paparan 50: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Daerah Timur Laut, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Daerah Timur Laut mencatatkan jumlah pengeluaran 5.2 ribu tan metrik yang didominasi oleh perikanan laut. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil.

Kuantiti jualan perikanan tangkapan laut merekodkan 5.2 ribu tan metrik nilai jualan adalah sebanyak RM99.57 juta.

Paparan 51: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Daerah Timur Laut, 2023



Subsektor akuakultur di Daerah Timur Laut merekodkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan sebanyak 0.3 ribu tan metrik. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM28.1 juta.

Paparan 52: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Daerah Timur Laut, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan	
	Kuantiti Pengeluaran ('000)			
	i. Tan Metrik	0.3	-	0.3
	ii. Ekor	302.1	3.6	298.5
	Kuantiti Jualan ('000)			
	i. Tan Metrik	0.3	-	0.3
	ii. Ekor	287.0	3.5	283.5
	Nilai Jualan (RM juta)	28.1	0.1	28.0


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Daerah Timur Laut merekodkan RM205.04 juta, di mana 65.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM133.51 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang sebanyak 34.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Daerah Timur Laut iaitu RM51.53 juta.

9.5 DAERAH BARAT DAYA


9.5.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 1,592 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Daerah Barat Daya. Daripada jumlah ini, 1,495 (93.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 97 (6.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 53: Pegangan Pertanian, Daerah Barat Daya, 2023




Daripada 1,495 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Daerah Barat Daya, kesemua 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 94.2 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 47.9 peratus dan 36.3 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 53.7 peratus. Manakala 32.2 peratus pegangan pertanian individu di Pulau Pinang mempunyai Sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 54: Profil Pegangan Pertanian Individu, Daerah Barat Daya, 2023

9.5.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Daerah Barat Daya pada tahun 2023 adalah seluas 2.6 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 2.1 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 0.5 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 2.5 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 2.0 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Daerah Barat Daya mencatatkan 26.2 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran teratas adalah kelapa sawit iaitu 181.0 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah buah-buahan dan padi dengan masing-masing menghasilkan 14.6 ribu dan 8.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 24.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan teratas adalah buah-buahan iaitu 13.5 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga teratas adalah padi dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 8.5 ribu dan 1.7 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM377.09 juta.

Paparan 55: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Daerah Barat Daya, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Daerah Barat Daya adalah sebanyak 95.3 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 89.7 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 18.0 ribu biji telur, 139.6 ribu liter susu segar dan 0.6 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 18.0 ribu biji telur, 138.9 ribu liter susu segar dan 0.5 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.32 juta.


Paparan 56: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Daerah Barat Daya, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Daerah Barat Daya mencatatkan jumlah pengeluaran 14.9 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 14.9 ribu tan metrik iaitu 100 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, tiada aktiviti perikanan direkodkan bagi Daerah Barat Daya.

Kuantiti jualan pula merekodkan 14.9 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 14.9 ribu tan metrik 100 peratus. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM203.25 juta.

Paparan 57: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Daerah Barat Daya, 2023




Subsektor akuakultur di Daerah Barat Daya merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 3.8 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 3.7 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 229,596.1 ribu ekor dan 148,818.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM96.09 juta.

Paparan 58: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Daerah Barat Daya, 2023

 Subsektor Akuakultur				
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan	
 Kuantiti Pengeluaran ('000)	i. Tan Metrik	3.8	0.3	3.5
	ii. Ekor	229,596.1	4.6	229,591.5
 Kuantiti Jualan ('000)	i. Tan Metrik	3.7	0.3	3.4
	ii. Ekor	148,818.8	4.0	148,814.8
 Nilai Jualan (RM juta)	96.09	5.96	90.13	

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 1.9 ribu kilogram dan 1.5 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM0.009 juta.

**Paparan 59: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan,
Daerah Barat Daya, 2023**



Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Daerah Barat Daya merekodkan RM689.75 juta, di mana 78.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM540.75 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang sebanyak 21.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Daerah Barat Daya iaitu RM149.00 juta.

SENARIO SEKTOR PERTANIAN PULAU PINANG

Encik Khairulnizam bin Hassan

Sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang terus berperanan penting dalam memastikan sekuriti makanan terjamin di samping menyumbang kepada ekonomi negeri meskipun lebih terkenal dengan sektor perindustrian dan pelancongan. Kawasan pertanian utama di Pulau Pinang tertumpu di Seberang Perai, khususnya di daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai tanah subur dan sistem pengairan yang baik. Antara hasil pertanian utama di Pulau Pinang adalah padi, buah-buahan seperti durian, mangga, dan betik, serta sayur-sayuran. Pulau Pinang turut terkenal dengan durian Balik Pulau yang berkualiti tinggi dan mendapat permintaan tinggi dari dalam serta luar negara. Di samping itu, penanaman padi di kawasan Seberang Perai menjadi sumber pendapatan utama bagi ramai petani tempatan khususnya di kawasan berkenaan.

Sektor pertanian Pulau Pinang menyumbang 2.2 peratus kepada sektor pertanian di seluruh Malaysia. Pada tahun 2023, sektor pertanian ini menyumbang 1.9 peratus kepada ekonomi Pulau Pinang dengan jumlah nilai ditambah RM2.2 bilion (pada harga malar) daripada RM116.0 bilion. Sektor perkhidmatan mendominasi ekonomi Pulau Pinang dengan 48.0 peratus diikuti sektor Pembuatan (sumbangan 46.5 peratus). Sub-sektor Perikanan merupakan penyumbang terbesar kepada pertanian Pulau Pinang dengan 40.0 peratus diikuti Tanaman sebanyak 33.0 peratus manakala sub-sektor Ternakan pula menyumbang 27.0 peratus. Akuakultur yang merupakan aktiviti di bawah sub-sektor Perikanan telah menyumbang 31.0 peratus kepada keseluruhan sektor pertanian dengan nilai ditambah RM709 juta pada tahun tersebut.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang turut giat menjalankan pelbagai program dan inisiatif untuk meningkatkan hasil pertanian. Ini termasuk pemberian bantuan subsidi baja, latihan teknikal kepada petani, serta penggalakan penggunaan teknologi moden seperti pertanian pintar dan pertanian hidroponik. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

Berdasarkan data interim Banci Pertanian 2024, terdapat 16,645 pegangan pertanian pertanian (individu dan pertubuhan) di Pulau Pinang dengan pegangan pertanian tanaman padi mendominasi iaitu seramai 7,956 orang atau 47.8 peratus. Pegangan pertanian individu berjumlah 15,491 (93.1 peratus) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 1,154 (6.9 peratus). Maklumat bancian yang terperinci ini pastinya akan membantu penggubal dasar dan Kerajaan Negeri dalam memberi fokus terhadap sub-sektor yang menjana hasil dan pulangan yang tinggi di samping menguruskan bantuan yang sepatutnya disalurkan kepada pegangan pertanian. Sektor pertanian di Pulau Pinang tetap signifikan dan berpotensi untuk dikembangkan secara mampan. Dengan perancangan strategik dan penggunaan teknologi moden, sektor ini mampu terus menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi negeri.


Subsektor Tanaman di Negeri Pulau Pinang

Encik Adrian Austin Spiji

Pulau Pinang merupakan antara negeri keluasan yang terkecil di Malaysia dengan jumlah keseluruhan 1,059 kilometer per segi. Dengan keluasan tanah yang terhad, penggunaan tanah pertanian perlu dioptimumkan bagi memastikan tahap penghasilan dapat dimaksimakan. Berdasarkan rekod Plan Malaysia, keluasan guna tanah yang direkodkan untuk aktiviti pertanian hanyalah satu per tiga daripada keluasan keseluruhan Pulau Pinang. Perancangan dan penggubalan dasar berkaitan pertanian di Pulau Pinang perlu dibuat dengan teliti dan mengambilkira pelbagai aspek dari segi potensi, limitasi dan peluang. Berdasarkan Visi Pulau Pinang 2030, Kerajaan Negeri menggariskan kepentingan sektor pertanian melalui strategi B1: Memodenkan dan mempelbagaikan pertanian mampan. Berpandukan kepada strategi tersebut, Dasar Pertanian Pulau Pinang mengesyorkan Kerajaan Negeri untuk turut mengutamakan pembangunan mampan dan penciptaan industri yang berdaya saing bersesuaian dengan limitasi yang dihadapi berkaitan keluasan tanah. Pendekatan ini adalah selaras dengan dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 yang turut memfokuskan usaha menggalakkan pertanian mampan bagi mencapai matlamat 'Kelaparan Sifar'.

Berdasarkan kepada dapatan interim Banci Pertanian 2024, subsektor tanaman di Pulau Pinang merekodkan jumlah keluasan bertanam 44,248 hektar dengan jumlah nilai jualan keseluruhan sebanyak RM837.05 juta. Sebanyak 13,341 pegangan pertanian terlibat secara langsung dalam kegiatan tanaman dengan buah-buahan, kelapa sawit, padi dan sayur-sayuran sebagai penyumbang utama. Pegangan Pertanian mengikut subsektor tanaman seperti di Paparan 59.

Paparan 60: Pegangan Pertanian subsektor Tanaman



Tanaman Buah-Buahan

Encik Adrian Austin Spiji

Kegiatan tanaman buah-buahan merupakan antara yang mendapat perhatian dan menarik minat pegangan pertanian di Pulau Pinang. Durian merupakan tanaman buah-buahan yang popular, terutamanya variasi premium seperti Duri Hitam, Musang King dan Udang Merah, telah menjadi simbol kepada Pulau Pinang dan terus menarik perhatian pelancong domestik dan antarabangsa. Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyokong perkembangan sektor pertanian ini melalui projek Agrotourism Paya Terubong yang bertujuan untuk mempromosikan penanaman dan penghasilan durian bermutu tinggi, selaras dengan inisiatif Visi Pulau Pinang 2030 untuk membangunkan sektor pertanian dan pelancongan agro secara berterusan.

Selain durian, Pulau Pinang juga terkenal dengan pelbagai jenis buah-buahan lain yang turut menyumbang kepada ekonomi pertanian negeri ini. Tanaman seperti pisang, nangka, mangga, dan betik juga menjadi komoditi penting yang dipasarkan ke pasaran tempatan dan luar negeri. Keistimewaan iklim tropika di Pulau Pinang memberikan kelebihan kepada pertumbuhan pelbagai jenis buah-buahan yang berkualiti tinggi, menjadikannya pilihan utama

bagi pegangan pertanian dan pengguna. Bagi memastikan keberlanjutan dan peningkatan hasil pertanian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk memperkenalkan teknologi pertanian moden serta memberi sokongan kepada petani melalui program latihan dan inisiatif yang dapat meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah-buahan. Ini termasuklah pembukaan ladang-ladang komersial untuk tanaman buah-buahan dengan menggunakan amalan pertanian lestari dan mesra alam.



Merujuk kepada dapatan interim Banci Pertanian 2024, sebanyak 1,050 pegangan pertanian menjalankan kegiatan tanaman buah-buahan di negeri ini. Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman ini adalah 2,570 hektar dengan jumlah kuantiti pengeluaran 28,360 tan metrik dan jumlah nilai jualan sebanyak RM459.96 juta.

Tanaman Kelapa Sawit

Encik Anas bin Aminuddin

Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam industri kelapa sawit global. Negara ini merupakan salah satu pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dunia. Industri ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi Malaysia melalui penjaan pendapatan eksport, penciptaan pekerjaan, dan pembangunan luar bandar. Selain pengeluaran minyak kelapa sawit yang tinggi, hasil sampingan kelapa sawit juga tinggi.

Kelapa sawit dapat dipelbagaikan kegunaannya selain daripada pengeluaran minyak daripada isirong dan buahnya. Antara barangan yang terbaharu hasil penyelidikan kelapa sawit telah dapat menghasilkan ais krim, konfeksi, krimmer, serbuk santan, cecair pencuci, gam dan baja. Kerajaan melalui agensi terlibat telah melaksanakan dasar dan usaha dalam mempergiat serta memantau aktiviti kelapa sawit di Malaysia.

Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) iaitu skim pensijilan nasional di Malaysia untuk ladang kelapa sawit, pekebun kecil dan kilang pemprosesan minyak sawit telah diperkenalkan bagi memastikan meningkatkan daya saing minyak sawit negara di peringkat global. Melalui Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030), kerajaan telah menetapkan 5 hala tuju utama industri kelapa sawit negara iaitu menerajui kemampanan, meluaskan usaha peningkatan produktiviti, terutamanya pada peringkat hulu dan pertengahan, menggiatkan peralihan ke aktiviti bernilai tinggi dan menerokai peluang *circular economy*, kerjasama strategik yang diterajui oleh industri dan memimpin usaha menyejahterakan pekebun kecil.

Berdasarkan kepada dapatan interim Banci Pertanian 2024, Sebanyak 2,590 pegangan pertanian terlibat secara langsung dalam mengusahakan tanaman kelapa sawit di Pulau Pinang. Keluasan bertanam bagi tanaman ini adalah 10,827 hektar manakala keluasan berhasil adalah sebanyak 9,664 hektar. Kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 181,042 tan metrik dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM160.83 juta.



Tanaman Padi

Encik Anas bin Aminuddin

Tanaman padi memainkan peranan yang penting bagi negara Malaysia, bukan hanya sebagai sumber makanan utama bagi penduduknya tetapi juga dari segi sosio-ekonomi dan budaya. Meskipun kelapa sawit mendominasi sektor pertanian dari segi nilai eksport, padi tetap menjadi keutamaan nasional untuk menjamin keselamatan makanan. Tanaman padi yang menghasilkan beras merupakan makanan ruji bagi ramai penduduk dunia termasuk di Asia, Amerika Latin dan Caribbean. Terdapat beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang mengawalselia serta memantau aktiviti penanaman padi khususnya di Pulau Pinang. Agensi seperti Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang (LPP) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA) telah bekerjasama rapat dengan DOSM Pulau Pinang dalam menjayakan Banci Pertanian 2024.

Merujuk kepada dapatan interim Banci Pertanian 2024, luas bertanam bagi tanaman padi di

Pulau Pinang adalah 27,881 hektar. Kuantiti pengeluaran pula adalah sebanyak 177,550 tan metrik dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM76.76 juta. Sebanyak 7,956 pegangan pertanian termasuk petani sara hidup seramai 688 orang terbabit dalam aktiviti tanaman padi di Pulau Pinang.

Tanaman Sayur-Sayuran

Puan Fukusyima Azmira Binti Fesal

Sayur-sayuran merupakan antara komponen utama dalam diet manusia yang sihat dan seimbang. Kandungan nutrisi yang kaya dan pelbagai dalam sayur-sayuran memainkan peranan yang signifikan dalam memelihara kesihatan fizikal dan mental, mencegah penyakit, serta menyokong kelestarian alam sekitar dan ekonomi masyarakat. Selain beras, sayur-sayuran merupakan makanan rutin seharian penduduk Malaysia. Bagi memastikan keterjaminan bekalan sayur-sayuran dan mengurangkan kebergantungan kepada sayur-sayuran daripada luar, kerajaan negeri Pulau Pinang telah menggariskan inisiatif strategik dalam Visi Pulau Pinang 2030 iaitu penubuhan sebanyak 100 buah kebun komuniti dan kebun dalam bandar menjelang 2030.



Berdasarkan dapatan interim Banci Pertanian 2024, sebanyak 676 pegangan pertanian terlibat dalam penanaman sayur-sayuran di Pulau Pinang. Luas bertanam bagi tanaman ini merekodkan sebanyak 1,228 hektar dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM98.82 juta meliputi kuantiti 17,689 tan metrik.

Tanaman Lain

Encik Azraai Bin Abu Bakar

Di Pulau Pinang, dengan keterbatasan kawasan pertanian, penanaman tanaman lain mungkin lebih tertumpu pada skala kecil atau khusus. Ini termasuklah tanaman getah, nanas, kelapa, koko dan lada yang ada turut diusahakan di negeri ini namun dalam sumbangan yang tidak signifikan. Selain itu, terdapat juga aktiviti tanaman herba dan rempah-ratus seperti serai, kunyit, dan halia ditanam untuk kegunaan masakan dan perubatan tradisional. Bunga-bunga seperti orkid dan bunga hiasan lain juga diusahakan untuk pasaran tempatan dan pelancongan.

Merujuk kepada dapatan interim Banci Pertanian 2024, sebanyak 676 pegangan pertanian terlibat dalam penanaman tanaman lain di Pulau Pinang merangkumi cuma 3.9 peratus daripada 44,248 hektar jumlah keluasan bertanam bagi keseluruhan aktiviti pertanian tanaman di Pulau Pinang. Turut direkodkan adalah jumlah nilai jualan sebanyak RM39.41 juta bagi tanaman lain di mana tanaman nanas menyumbang nilai jualan sebanyak RM12.64 juta.

Subsektor Ternakan di Negeri Pulau Pinang

Cik Noor Fadhilah binti Abu Kassim

Dapatan interim Banci Pertanian 2024 negeri Pulau Pinang bagi sektor ternakan menunjukkan sebanyak 799 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan di seluruh negeri, dengan taburan yang tidak sekata antara daerah. Ketidakseimbangan ini berkemungkinan berpunca daripada faktor geografi, kesesuaian tanah, dan tahap perbandaran, di mana kawasan tanah besar lebih kondusif untuk aktiviti penternakan.

Sektor ternakan mencatat jumlah nilai jualan keseluruhan sebanyak RM1.55 bilion, dengan sumbangan teratas datang daripada Seberang Perai Selatan iaitu sebanyak RM991.4 juta, yang merangkumi kira-kira 64% daripada jumlah keseluruhan. Diikuti oleh Seberang Perai Tengah dengan RM354.60 juta, dan Seberang Perai Utara sebanyak RM184.4 juta, menjadikan ketiga-tiga kawasan di tanah besar menyumbang lebih 99% daripada nilai keseluruhan jualan ternakan di negeri ini. Sebaliknya, dua daerah di bahagian pulau menunjukkan nilai jualan yang sangat rendah, iaitu hanya RM13.3 juta di Barat Daya dan RM3.32 juta di Timur Laut. Ketidakseimbangan yang ketara ini menunjukkan bahawa aktiviti ternakan bukan sahaja lebih tertumpu di tanah besar dari segi pegangan pertanian, tetapi juga dari segi nilai ekonomi yang dijana.

Berdasarkan dapatan interim Banci Pertanian 2024 bagi sektor ternakan, nilai jualan keseluruhan sektor ini mencecah lebih RM184.4 juta, dengan jumlah pengeluaran melibatkan pelbagai unit seperti ekor, kilogram (kg), liter, dan kepingan (pcs). Daerah Seberang Perai Selatan merupakan penyumbang utama kepada nilai jualan iaitu RM991.4 juta, dengan pengeluaran teratas sebanyak 66.7 juta ekor ternakan dan 196.7 juta pcs. Diikuti oleh Seberang Perai Tengah yang menyumbang RM354.59 juta, dengan pengeluaran teratas dalam unit ekor (21.0 juta) dan pcs (58.9 juta). Seberang Perai Utara pula mencatat nilai jualan RM84.4 juta, turut menunjukkan keaktifan melalui pengeluaran 2.2 juta ekor ternakan. Sebaliknya, daerah di bahagian pulau mencatat sumbangan jauh lebih rendah, dengan Barat Daya sebanyak RM12 juta, manakala Timur Laut hanya RM3.3 juta, dengan jumlah pengeluaran yang kecil seperti 2,219 ekor dan sekitar 39,394 liter. Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa aktiviti ternakan di Pulau Pinang amat tertumpu di kawasan tanah besar dari segi pegangan pertanian, kuantiti pengeluaran dan nilai jualan, sekali gus menekankan keperluan untuk strategi pengembangan yang lebih seimbang antara daerah daratan dan pulau.


Subsektor Perikanan Tangkapan di Negeri Pulau Pinang

Encik Wan Mohd Suhairi Bin Wan Ibrahim

Industri perikanan Pulau Pinang terdiri daripada tangkapan marin dan air tawar dan merupakan salah satu bidang ekonomi di Malaysia. Peneraju utama kepada industri ini merupakan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi menguruskan sumber perikanan negara secara efisien, inovatif dan mesra alam berasaskan kepada pengetahuan teknikal dan saintifik serta tadbir urus yang profesional. DOF turut berperanan dalam meningkatkan bekalan ikan, makanan dan menjana pendapatan kumpulan sasar serta menyumbang kepada eksport negara. Transformasi daripada ladang berskala kecil dan tidak bersistematik kepada pemodenan teknologi penangkapan, naik taraf kemudahan infrastruktur pendaratan, pengukuhan keupayaan nelayan, pematuhan terhadap piawaian antarabangsa serta pengurusan sumber perikanan secara mampan agar dapat menembusi pasaran premium turut menjadi tanggungjawab DOF.

Selain daripada DOF, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) iaitu agensi badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia yang diperbadankan menurut Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 merupakan agensi bertanggungjawab dan berperanan dalam menggalak & memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan mengenai perusahaan dan pemasaran ikan. Pihak LKIM turut berperanan mendaftar, mengawal dan menyelia Persatuan-Persatuan Nelayan dan mengusahakan kemajuan ekonomi ahli-ahli di bawah persatuan tersebut. Antara inisiatif kerajaan dalam meningkatkan sosial ekonomi golongan nelayan termasuklah Bantuan Sara Hidup Nelayan yang diberikan kepada pemilik vessel dan individu warganegara yang bekerja di atas vessel berdaftar. Selain itu, Skim Diesel dan Petrol turut dilaksanakan bagi menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung golongan nelayan.

Paparan 61: Kuantiti Pengeluaran bagi subsektor Perikanan



Dapatan interim Banci Pertanian 2024 merekodkan 2,429 pegangan pertanian perikanan di Pulau Pinang melibatkan Isi Rumah dan Pertubuhan yang merangkumi semua Zon penangkapan ikan. Kuantiti pengeluaran hasil tangkapan merekodkan 33.6 juta tan metrik merangkumi tiga (3) spesis teratas iaitu kembung, udang dan temenung. Kuantiti jualan merekodkan 97.6% daripada kuantiti pengeluaran dengan jumlah 0.8 juta tan metrik (2.4%) tidak dijual merangkumi faktor kegunaan sendiri, simpanan untuk proses penyejuk bekuan dan pemprosesan bagi tujuan eksport.

Jumlah nilai jualan bagi subsektor ini mencatatkan nilai RM 529.70 juta yang disumbangkan oleh ikan Marin seperti pendaratan tuna berbanding tangkapan perikanan pantai.

Subsektor Akuakultur di Negeri Pulau Pinang

Puan Jaessicaneethiya A/p Micheal

Akuakultur merupakan salah satu subsektor penting dalam industri perikanan Malaysia dan memainkan peranan signifikan dalam menjamin keselamatan makanan negara. Subsektor akuakultur di negeri Pulau Pinang berkembang pesat dan menyumbang kepada ekonomi negeri serta pendapatan komuniti nelayan dan penternak ikan.

Pulau Pinang mempunyai kelebihan geografi dengan garis pantai yang panjang serta perairan yang sesuai untuk aktiviti penternakan marin dan air payau. Aktiviti akuakultur di negeri ini merangkumi penternakan ikan dalam sangkar laut, kolam tanah, penternakan kerang-kerangan serta penternakan ikan hiasan.

Berdasarkan dapatan interim Banci Pertanian 2024, sebanyak 367 pegangan pertanian telah direkodkan mengikut lokasi aktiviti akuakultur di negeri Pulau Pinang. Jumlah keluasan perusahaan aktiviti akuakultur adalah 1,462 hektar yang majoritinya merangkumi sistem ternakan kolam, sangkar dan ikan hiasan.


Produktiviti subsektor akuakultur yang meliputi ternakan marin dan air tawar merekodkan pengeluaran sebanyak 42.9 ribu tan metrik. Manakala pengeluaran ikan hiasan serta baka dan benih direkodkan sebanyak 36.1 juta ekor. Daripada jumlah pengeluaran marin dan air tawar tersebut, sebanyak 41.3 ribu tan metrik telah dijual dengan nilai jualan RM544.6 juta. Manakala jualan ikan hiasan serta baka dan benih merekodkan sebanyak 35.7 juta ekor dengan nilai RM34.9 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa subsektor akuakultur merupakan penyumbang utama dalam pengeluaran perikanan negeri Pulau Pinang yang didorong oleh peningkatan permintaan terhadap sumber protein akuatik, khususnya di pasaran domestik dan antarabangsa.

Statistik utama subsektor akuakultur negeri Pulau Pinang mengikut individu dan pertubuhan adalah seperti di Paparan 62.

Selain itu, kerajaan negeri dan persekutuan melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang

telah menyediakan pelbagai bantuan teknikal dan kewangan kepada pegangan pertanian akuakultur bagi meningkatkan hasil dan menggalakkan penggunaan teknologi moden. Kemudahan infrastruktur seperti pusat pembenihan, makmal penyelidikan, dan sistem sokongan logistik turut membantu memperkukuh rantai nilai dalam subsektor ini.

Paparan 62: Statistik Utama Akuakultur Pulau Pinang



Namun begitu, subsektor akuakultur di Pulau Pinang juga menghadapi pelbagai cabaran termasuk pencemaran air, penyakit ikan, serta isu perlesenan dan pematuhan kepada peraturan alam sekitar. Justeru, pendekatan yang lebih lestari dan inovatif amat diperlukan untuk memastikan pembangunan subsektor ini dapat diteruskan tanpa menjejaskan ekosistem marin dan kesejahteraan komuniti setempat.



JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023*Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	97.94	21,191	2.06	1,030,020	100.0
Johor	102,460	9.95	3,578	0.35	106,038	10.29
Kedah	123,194	11.96	1,237	0.12	124,431	12.08
Kelantan	87,203	8.47	442	0.04	87,645	8.51
Melaka	13,022	1.26	802	0.08	13,824	1.34
Negeri Sembilan	44,082	4.28	1,347	0.13	45,429	4.41
Pahang	87,482	8.49	2,543	0.25	90,025	8.74
Pulau Pinang	15,491	1.50	1,154	0.11	16,645	1.62
Perak	104,878	10.18	2,596	0.25	107,474	10.43
Perlis	18,839	1.83	131	0.01	18,970	1.84
Selangor	35,474	3.44	1,643	0.16	37,117	3.60
Terengganu	72,367	7.03	684	0.07	73,051	7.09
Sabah	156,635	15.21	2,624	0.25	159,259	15.46
Sarawak	145,378	14.11	2,036	0.20	147,414	14.31
W.P. Kuala Lumpur	1,426	0.14	330	0.03	1,756	0.17
W.P. Labuan	732	0.07	34	0.00	766	0.07
W.P. Putrajaya	166	0.02	10	0.00	176	0.02

Sumber: Banci Pertanian 2024*Source: Agriculture Census 2024**** Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at 28 May 2025**
- 2. State refer to the location where the agricultural holder reside**

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding by Administrative District, Pulau Pinang, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Pulau Pinang	15,491	93.07	1,154	6.93	16,645	100.0
Seberang Perai Tengah	2,683	16.12	255	1.53	2,938	17.65
Seberang Perai Utara	7,853	47.18	225	1.35	8,078	48.53
Seberang Perai Selatan	2,734	16.43	379	2.28	3,113	18.70
Timur Laut	726	4.36	198	1.19	924	5.55
Barat Daya	1,495	8.98	97	0.58	1,592	9.56

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at 28 May 2025**
- 2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside**

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023
Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Palm Oil	236,241	21.56	9,806	0.89	246,047	22.45
	Padi Paddy	125,976	11.49	170	0.02	126,146	11.51
	Getah Rubber	387,124	35.32	309	0.03	387,433	35.35
	Nanas Pineapple	7,752	0.71	308	0.03	8,060	0.74
	Kenaf Kenaf	862	0.08	4	0.00	866	0.08
	Lada Pepper	32,191	2.94	10	0.00	32,201	2.94
	Koko Cocoa	4,147	0.38	16	0.00	4,163	0.38
	Buah-Buahan Fruits	87,731	8.01	2,375	0.22	90,106	8.22
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,422	4.05	2,658	0.24	47,080	4.30
	Tanaman Lain Other Crops	38,302	3.49	1,344	0.12	39,646	3.62
Ternakan Livestocks		43,816	4.00	2,965	0.27	46,781	4.27
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	4.40	399	0.04	48,666	4.44
	Akuakultur Aquaculture	8,407	0.77	1,872	0.17	10,279	0.94
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	0.72	534	0.05	8,464	0.77

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Pulau Pinang, 2023
Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Pulau Pinang, 2023

Subsektor <i>Subsector</i>		Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Palm Oil</i>	2,271	13.36	319	1.88	2,590	15.23
	Padi <i>Paddy</i>	7,946	46.74	10	0.06	7,956	46.80
	Getah <i>Rubber</i>	623	3.66	9	0.05	632	3.72
	Nanas <i>Pineapple</i>	44	0.26	32	0.19	76	0.45
	Lada <i>Pepper</i>	2	0.01	-	-	2	0.01
	Koko <i>Cocoa</i>	1	0.01	-	-	1	0.01
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	934	5.49	116	0.68	1,050	6.18
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	518	3.05	158	0.93	676	3.98
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	298	1.75	60	0.35	358	2.11
Ternakan <i>Livestocks</i>		543	3.19	285	1.68	828	4.87
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	2,427	14.28	2	0.01	2,429	14.29
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	138	0.81	263	1.55	401	2.36
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		2	0.01	-	-	2	0.01

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada 28 Mei 2025

*** Notes:**
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Pulau Pinang, 2023
Table 2.2: Individual Agriculture Holding by Subsector and Citizenship, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector		Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Palm Oil	2,270	14.42	1	0.01
	Padi Paddy	7,946	50.46	-	-
	Getah Rubber	623	3.96	-	-
	Nanas Pineapple	44	0.28	-	-
	Lada Pepper	2	0.01	-	-
	Koko Cocoa	1	0.01	-	-
	Buah-Buahan Fruits	934	5.93	-	-
	Sayur-Sayuran Vegetables	518	3.29	-	-
	Tanaman Lain Other Crops	298	1.89	-	-
Ternakan Livestocks		543	3.45	-	-
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	2,427	15.41	-	-
	Akuakultur Aquaculture	138	0.88	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		2	0.01	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada 28 Mei 2025

*** Notes:**
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Pulau Pinang, 2023
Table 2.3: Individual Agriculture Holding by Subsector and Sex, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector		Lelaki Male		Perempuan Female	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Palm Oil	1,757	11.16	514	3.26
	Padi Paddy	6,878	43.68	1,068	6.78
	Getah Rubber	371	2.36	252	1.60
	Nanas Pineapple	39	0.25	5	0.03
	Lada Pepper	1	0.01	1	0.01
	Koko Cocoa	1	0.01	-	-
	Buah-Buahan Fruits	889	5.65	45	0.29
	Sayur-Sayuran Vegetables	462	2.93	56	0.36
	Tanaman Lain Other Crops	266	1.69	32	0.20
Ternakan Livestocks		519	3.30	24	0.15
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	2,422	15.38	5	0.03
	Akuakultur Aquaculture	135	0.86	3	0.02
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		2	0.01	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada 28 Mei 2025

*** Notes:**
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Pulau Pinang, 2023

Table 2.4: Individual Agriculture Holding by Subsector and Age Group, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector	15 – 30 tahun 15 – 30 years		31 – 45 tahun 31 – 45 years		46 – 59 tahun 46 – 59 years		60 tahun dan ke atas 60 years and above		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Palm Oil	20	0.13	214	1.36	695	4.41	1,342	8.52
	Padi Paddy	219	1.39	1,491	9.47	2,754	17.49	3,482	22.11
	Getah Rubber	2	0.01	66	0.42	219	1.39	336	2.13
	Nanas Pineapple	2	0.01	2	0.01	20	0.13	20	0.13
	Lada Pepper	1	0.01	-	-	1	0.01	-	-
	Koko Cocoa	-	-	-	-	-	-	1	0.01
Ternakan Livestocks	Buah-Buahan Fruits	23	0.15	109	0.69	311	1.97	491	3.12
	Sayur-Sayuran Vegetables	15	0.10	117	0.74	191	1.21	195	1.24
	Tanaman Lain Other Crops	4	0.03	41	0.26	95	0.60	158	1.00
		50	0.32	154	0.98	182	1.16	157	1.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	73	0.46	527	3.35	968	6.15	859	5.46
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging	Akuakultur Aquaculture	11	0.07	64	0.41	48	0.30	15	0.10
		1	0.01	-	-	-	-	1	0.01

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Pulau Pinang, 2023
Table 2.5: Individual Agriculture Holding by Subsector and Ethnic Group, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector	Bumiputera Bumiputera			Cina Chinese			India Indian			Lain-lain Others		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit <i>Palm Oil</i>	710	4.51	1,481	9.41		69	0.44		10	0.06	
	Padi <i>Paddy</i>	7,229	45.91	707	4.49		6	0.04		4	0.03	
	Getah <i>Rubber</i>	524	3.33	89	0.57		-	-		10	0.06	
	Nanas <i>Pineapple</i>	24	0.15	20	0.13		-	-		-	-	
	Lada <i>Pepper</i>	-	-	2	0.01		-	-		-	-	
	Koko <i>Cocoa</i>	-	-	1	0.01		-	-		-	-	
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	413	2.62	513	3.26		7	0.04		1	0.01	
Ternakan Livestocks	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	325	2.06	154	0.98		8	0.05		31	0.20	
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	243	1.54	52	0.33		3	0.02		-	-	
		458	2.91	30	0.19		53	0.34		2	0.01	
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	1,667	10.59	739	4.69		21	0.13		-	-	
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	62	0.39	76	0.48		-	-		-	-	
		2	0.01	-	-		-	-		-	-	

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Pulau Pinang, 2023
Table 2.6: Individual Agriculture Holding by Subsector and Marital Status, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector	Tidak pernah berkahwin Never married		Berkahwin Married		Balu/Duda Widow/Widower		Berceraai Divorced		Berpisah Separated		Tiada Maklumat Unknown	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Palm Oil	164	1.04	1,928	12.24	139	0.88	39	0.25	1	0.01	-
	Padi Paddy	225	1.43	1,958	12.43	321	2.04	14	0.09	14	0.09	5,414
	Getah Rubber	59	0.37	528	3.35	36	0.23	-	-	-	-	-
	Nanas Pineapple	1	0.01	36	0.23	6	0.04	-	-	1	0.01	-
	Lada Pepper	1	0.01	1	0.01	-	-	-	-	-	-	-
	Koko Cocoa	-	-	1	0.01	-	-	-	-	-	-	-
	Buah-Buahan Fruits	60	0.38	797	5.06	72	0.46	4	0.03	1	0.01	-
Ternakan Livestocks	Sayur-Sayuran Vegetables	40	0.25	412	2.62	63	0.40	2	0.01	1	0.01	-
	Tanaman Lain Other Crops	22	0.14	221	1.40	52	0.33	3	0.02	-	-	-
	Perikanan Fisheries	94	0.60	409	2.60	36	0.23	2	0.01	2	0.01	-
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	425	2.70	1,680	10.67	264	1.68	23	0.15	35	0.22	-
	Akuakultur Aquaculture	20	0.13	113	0.72	5	0.03	-	-	-	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		-	-	2	0.01	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2.

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
2.

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Pulau Pinang, 2023
Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector	Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)						Ijazah/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters		Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University Diploma or equivalent		Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)		Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent		Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Certificate of specialized or technical skills (TVET)	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Palm Oil	7	0.04	226	1.44	11	0.07	64	0.41	60	0.38	2	0.01			
	Padi Paddy	2	0.01	61	0.39	66	0.42	18	0.11	19	0.12	25	0.16			
	Getah Rubber	-	-	3	0.02	85	0.54	-	-	1	0.01	1	0.01			
	Nanas Pineapple	-	-	3	0.02	2	0.01	-	-	-	-	1	0.01			
	Lada Pepper	-	-	1	0.01	-	-	-	-	-	-	-	-			
	Koko Cocoa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-			
Ternakan Livestocks	Buah-Buahan Fruits	2	0.01	24	0.15	17	0.11	11	0.07	10	0.06	3	0.02			
	Sayur-Sayuran Vegetables	-	-	15	0.10	8	0.05	5	0.03	2	0.01	8	0.05			
	Tanaman Lain Other Crops	1	0.01	14	0.09	15	0.10	4	0.03	2	0.01	4	0.03			
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	-	-	7	0.04	16	0.10	4	0.03	4	0.03	9	0.06			

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Pulau Pinang, 2023
Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector	STPM atau yang setaraf Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent						SPM/ SPM(V) atau yang setaraf Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent						Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) Below the SPM/SPM (V) passing standard						Tiada sijil No Certificate						Tiada Maklumat Unknown					
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage
Tanaman Crops																														
Kelapa Sawit Palm Oil	45	0.29	704	4.47	577	3.66	575	3.65	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Padi Paddy	34	0.22	1,252	7.95	849	5.39	206	1.31	5,414	34.38	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Getah Rubber	-	-	318	2.02	133	0.84	82	0.52	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Nanas Pineapple	-	-	24	0.15	12	0.08	2	0.01	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lada Pepper	-	-	-	-	1	0.01	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Koko Cocoa	-	-	-	-	1	0.01	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Buah-Buahan Fruits	24	0.15	186	1.18	584	3.71	73	0.46	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Sayur-Sayuran Vegetables	22	0.14	286	1.82	126	0.80	46	0.29	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tanaman Lain Other Crops	4	0.03	121	0.77	94	0.60	39	0.25	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Ternakan Livestocks	11	0.07	308	1.96	138	0.88	29	0.18	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perikanan Fisheries	16	0.10	856	5.44	1,012	6.43	503	3.19	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perikanan Tangkapan Captured Fisheries																														

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Pulau Pinang, 2023
Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Pulau Pinang, 2023

Subsektor Subsector	Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)	Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters	Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent			Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)			Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent			Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Certificate of specialized or technical skills (TVET)		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number
Perikanan <i>Fisheries</i>	-	-	2	0.01	1	0.01	2	0.01	1	0.01	1	0.01	1	0.01
Akuakultur <i>Aquaculture</i>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Pulau Pinang, 2023
Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Pulau Pinang, 2023

